

PALAPES MANTAPKAN DISIPLIN PELAJAR UNIVERSITI AWAM

Muhammad Basirun bin Roslan, 1171169,
Fakulti Pengurusan Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 20 Mei 2020



Pegawai-pegawai kadet kanan PALAPES USIM.

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) merupakan badan uniform yang ditubuhkan melalui kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan Tinggi khusus untuk pelajar-pelajar universiti awam di Malaysia.

Seiring dengan tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PALAPES juga terbahagi kepada Tentera Udara, Tentera Darat dan Tentera Laut.

Sejarah awal PALAPES bermula dengan penubuhan Batalion Pertama Infantri Askar Wataniah Cawangan Universiti Malaya pada 3 April 1965 sebelum diperluaskan ke universiti-universiti awam yang lain.

Kursus Asas Rekrut melibatkan 30 pelajar dari pelbagai fakulti dijalankan di Kem Latihan Seputih, Batu Gajah, Perak. Selain itu, setiap pasukan PALAPES mempunyai Markas Latihan cawangan masing-masing.

Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), PALAPES Tentera Darat mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa dan mahasiswi. Seramai 137 pelajar menganggotai pasukan PALAPES USIM.

Secara keseluruhan, keanggotaan PALAPES di seluruh Malaysia adalah seramai 1,620 orang. Kesemua mereka dilatih mengenai ilmu dan kemahiran dalam ketenteraan.



Seorang pegawai kadet PALAPES membidik sasaran semasa latihan.

Sebagai seorang pegawai kadet PALAPES, saya berpeluang menimba pengalaman dan pengetahuan ketenteraan yang tidak dialami oleh pelajar-pelajar lain.

Dari segi persenjataan, pegawai kadet PALAPES dilatih untuk mengendalikan rifel M16, pelancar bom tangan M203, mesingan ringan (LMG) dan mesingan pelbagai guna (GMPG) serta merentas halangan dan latihan-latihan lain.

Semasa di peringkat junior, pegawai-pegawai kadet PALAPES dilatih tentang taktik peperangan melawan gerila, menyerang hendap musuh dan ikhtiar hidup sepanjang tempoh lima hari di dalam hutan.

Seterusnya, semasa peringkat pertengahan di tahun dua, kami menjalani latihan kawad senjata dan kawad kaki selain taktik menyerang hendap dan menyerang balas terhadap musuh serta mempelajari cara membuat kubu pertahanan di dalam hutan.

Tidak kurang penting adalah mempelajari teknik membaca peta bagi mengesan musuh dan mencari tempat yang selamat untuk membuat kubu pertahanan.

Pegawai-pegawai kadet kanan PALAPES pula dilatih membina kubu pertahanan dan menyediakan perhubungan serta mempertahankan kubu ketika serangan dalam situasi peperangan terbuka.

Setelah menyempurnakan latihan, pegawai-pegawai kadet PALAPES juga dikurniakan pentauliah sebagai Leftenan Muda oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekali gus melayakkan mereka mengetuai satu platoon.

Mereka yang menamatkan pengajian di universiti dan menerima tauliah Leftenan Muda PALAPES mempunyai pilihan untuk mencari pekerjaan atau melapor diri di markas-markas tentera berhampiran kediaman mereka.

Sekiranya mereka mengambil pilihan kedua, pegawai-pegawai PALAPES boleh menjalani kursus Pegawai Graduan selama sembilan bulan bagi melayakkan mereka diserap dalam perkhidmatan tetap ATM.

Pilihan lain adalah menjalani kursus kerahan selama enam bulan bagi membolehkan mereka menjadi pegawai dalam Rejimen Askar Wataniah.

Secara ringkasnya, keanggotaan dalam PALAPES termasuk di USIM berupaya membentuk generasi muda yang bukan sahaja berpendidikan tinggi malah bersedia untuk berkhidmat mempertahankan kedaulatan negara apabila diperlukan.

Latihan ketenteraan yang diterima juga mampu menerapkan disiplin dan jati diri yang tinggi dalam kalangan pegawai-pegawai kadet PALAPES yang pastinya bermanfaat setelah mereka menamatkan pengajian kelak.